 - (c) Direct or indirect involvement in, or as a victim of, any kind of war, violence, terrorism, any illegal activities or mutiny or popular rising, military insurrection, rebellion, conspiracy, military or usurped power, martial law or state, of siege or any of the events or causes which determine the proclamation or maintenance of martial law or state of siege; and any act of any person acting on behalf of or in connection with any organisation with activities directed towards the overthrow by force or any de jure or de facto Government; or
 - (d) Underwater activities involving the use of breathing apparatus; or
 - (e) Travel in any aircraft, except as a fare-paying passenger in a regular scheduled commercial aircraft or riding motorcycle (both as a rider and a pillion) for business purposes; or
 - (f) Engaging in hazardous sports such as parachuting, mountaineering, pot-holing, gliding, para-gliding, hang-gliding, skydiving, professional sports, ballooning, micro-lighting, bungee-jumping, boxing of any kind, go-kart sports, hunting on horseback, racing other than on foot, rock climbing sports that take place on snow; or
 - (g) Exposure from any radiation material from any source; or
 - (h) Illness, disease, pregnancy, childbirth, miscarriage or food poisoning and its direct or indirect complications; or
 - (i) Any complication or illness resulting from mosquito bites; or
 - (j) Any viral, parasitic or bacterial infection.

2. Spouse (where applicable)

2.1 No benefit shall be payable for any claim arising for the named spouse (where applicable) if the said named spouse, at the time of the accident, is not a spouse within the definition provided.

3. Step child

3.1 No benefit shall be payable for any claim arising for a step child (as defined above):

- (a) if the principal person covered and the spouse who is the biological parent of the step child, at the time of the accident, were divorced.
- (b) if the spouse who is the biological parent of the step child, at the time of the accident, is not a spouse within the definition above.

4. Child

4.1 For a child (as defined above and where applicable) who is between the ages of twenty one (21) years and twenty three (23) years (inclusive), this takaful coverage shall cease the moment the said child is no longer a full time registered student at a recognised educational institution. For such a child, no benefit shall be payable for any claim arising for the child (where applicable) if the said child, at the time of the accident, is not a full time registered student at a recognised educational institution.

F. Charges

1. Wakalah fee

- 1.1 Each contribution shall be subject to wakalah fee. This fee is payable to the operator.
- 1.2 The wakalah fee is 55% of each contribution. This fee will be deducted upon payment of each contribution.
- 1.3 The operator may revise the wakalah fee percentage. In the event of such a revision, a written notice shall be sent to the contract holder. This notice shall be sent to the contract holder's last known address, sixty (60) days prior to the implementation of the revised fee.

2. Tabarru'

- 2.1 Tabarru' is 45% of each contribution and collected in the general takaful fund.
- 2.2 The operator may revise the tabarru' amount with the approval from the Takaful Regulatory Authority.
- 2.3 In the event of such a revision, a written notice shall be sent to the contract holder. This notice shall be sent to the contract holder's last known address, sixty (60) days prior to the implementation of the revised rate.

G. General takaful fund

1. The amount collected in the general takaful fund shall be under the operator's management and the operator shall have the absolute discretion to invest and manage the amount collected in accordance to the principles of Shariah and will avoid investing the amount collected in security(ies) and asset(s) prohibited by Shariah.
2. All amount collected relating to the fund shall be and shall remain in the legal ownership of the operator.
3. All costs, expenses, charges and levies for maintaining and investing the amount collected in the general takaful fund and any other related expenses shall be borne and paid from the general takaful fund.
4. If the general takaful fund is insufficient to fulfill the takaful obligations, the operator will arrange for qard from the operator fund to rectify the deficit.
5. Future net surplus in the general takaful fund will be used to repay the operator for such qard before any distribution of surplus.
6. The net surplus of the general takaful fund would be determined annually by the operator at the end of each financial year of the operator.
7. Subject to paragraph (5) above and (8) below, any net surplus distribution of the general takaful fund would be allocated as follows:
 - To the operator (as fund performance fee) - 50% of the net surplus
 - To the contract holder - 50% of the net surplus
8. If the net surplus payable to the contract holder is less than or equals to RM10, the said net surplus shall be channeled back to the general takaful fund.

H. Important notice to contract holder

1. You are advised to read through the takaful contract carefully and if it has not been issued in accordance with your intention, kindly return same to the operator for alteration immediately.
2. Please keep this takaful contract in a safe place as reference will be made to this document in endorsements and renewals.
3. Kindly observe the payment of contribution and grace period under the contribution section.
4. You may refer any complaints and grievances relating to this takaful contract either:

CIMB Aviva Takaful Berhad
Customer Service Unit
Tel: (03) 2614 3566
Fax: (03) 2614 3550
Website: www.cimbaviva.com

Or, the following independent bodies authorised to oversee public enquiries and complaints on takaful related matters:

Bank Negara Malaysia

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Jalan Dato' Onn
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2698 8044 ext 8950/8958
Fax: (03) 2691 2990
<http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm>

Financial Mediation Bureau

Level 25
Dataran Kewangan Darul Takaful
4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2272 2811
Fax: (03) 2274 5752
<http://www.fmb.org.my>

- We have left the rest of this page blank deliberately -

CIMB AVIVA

CIMB AVIVA TAKAFUL BERHAD

KONTRAK TAKAFUL

Takaful PA SmartPro

KANDUNGAN

<u>Tajuk</u>	<u>Muka surat</u>
Mukadimah	2
Takrifan	3
Peruntukan am	6
Sumbangan	11
Manfaat kontrak takaful	12
Pengecualian dan hak	15
Caj	16
Dana takaful am	17
Notis penting kepada pemegang kontrak	17

MUKADIMAH

Objektif

Matlamat Takaful PA SmartPro CIMB Aviva Takaful Berhad (CATB) adalah untuk menyebarkan semangat takaful di kalangan orang yang dilindungi. Bagi pihak orang yang dilindungi, operator akan menguatkuasakan takaful dengan membayar manfaat takaful seperti yang dipersetujui di dalam kontrak takaful dan selaras dengan apa yang dinyatakan di dalam pelan ini.

Prinsip-prinsip asas

- Pertama** CIMB Aviva Takaful Berhad, operator, adalah dianggap sebagai pihak pertama (dirujuk sebagai “operator” atau “CATB” selepas ini) dan pemegang kontrak dianggap sebagai pihak kedua (dirujuk sebagai “pemegang kontrak” selepas ini). Operator adalah penganjur dan penjaga yang diamanahkan untuk menguruskan pelan ini.
- Kedua** Operator adalah dianggap sebagai penjaga yang diamanahkan dan pengurus pelan takaful CATB dengan mematuhi Shariah.
- Ketiga** Operator akan menyebarkan perkhidmatan-perkhidmatan takaful dan akan mengumpul sumbangan-sumbangan yang telah dibayar ke dalam dana yang dirujuk sebagai “dana takaful am”.
- Keempat** Pemegang kontrak adalah dianggap telah memberi persetujuan untuk mendermakan sebahagian sumbangan mereka kepada “dana takaful am” bagi mencapai objektif-objektif takaful.

A. Takrifan

Untuk kontrak takaful ini, perkataan berikut ditakrifkan sebagai:

- (a) **Kematian akibat kemalangan** bermaksud:
 - i. kematian akibat kecederaan badan, yang berlaku ketika perlindungan takaful orang yang dilindungi berkuatkuasa, yang berlaku semata-mata, secara langsung dan tanpa dipengaruhi oleh semua sebab lain, bersifat luaran, keganasan dan kemalangan yang menyebabkan luka atau kecederaan yang kelihatan pada tubuh badan atau kecederaan dalaman yang didedahkan oleh autopsi; atau
 - ii. kematian lemas yang didedahkan oleh autopsi.
- (b) **Kecederaan badan akibat kemalangan** bermaksud kecederaan badan, yang berlaku ketika perlindungan takaful orang yang dilindungi berkuatkuasa, yang berlaku semata-mata, secara langsung dan tanpa dipengaruhi oleh semua sebab lain, bersifat luaran, keganasan dan kemalangan yang menyebabkan luka atau kecederaan yang kelihatan pada tubuh badan.
- (c) **Operator** bermaksud CIMB Aviva Takaful Berhad.
- (d) **Kemasukan ke hospital** bermaksud dimasukkan ke dalam hospital bagi tempoh minimum enam (6) jam atas cadangan pengamal perubatan berdaftar. Caj bilik/caj bilik dan penginapan harian oleh hospital akan dijadikan bukti kemasukan ke hospital.
- (e) **Orang yang dilindungi** bermaksud individu yang dilindungi di bawah kontrak takaful.
- (f) **Tarikh sumbangan patut dibayar** bermaksud hari di mana bayaran sumbangan patut dibayar berdasarkan mod pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful atau mana-mana endorsan yang berikutnya.
- (g) **Tarikh berkuatkuasa kontrak takaful** bermaksud tarikh kontrak takaful ini berkuatkuasa yang ditentukan di dalam jadual kontrak takaful.
- (h) **Tarikh ulang tahun kontrak takaful** bermaksud tarikh pada mana-mana tahun berikutnya yang angkanya adalah sama dengan hari dan bulan tarikh berkuatkuasa kontrak takaful.
- (i) **Kanak-kanak** bermaksud anak yang sah termasuk anak tiri dan anak angkat yang diambil secara sah oleh orang yang dilindungi prinsip, yang berumur 21 dan ke bawah. Anak kepada orang yang dilindungi prinsip yang berumur di antara 21 dan 23 (termasuk) akan dianggap sebagai kanak-kanak sekiranya beliau berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf.
- (j) **Anak tiri** bermaksud anak kandung kepada pasangan sah orang yang dilindungi prinsip, yang diperolehi daripada perkahwinan sebelumnya.
- (k) **Pasangan** bermaksud pasangan sah kepada orang yang dilindungi prinsip yang dinamakan di dalam kontrak ini atau mana-mana endorsan selanjutnya yang mengenalpastikan pasangan.
- (l) **Jumlah manfaat** bermaksud jumlah manfaat yang ditentukan untuk orang yang dilindungi prinsip, pasangan (mana yang berkenaan) dan kanak-kanak (mana yang berkenaan) yang terdapat di dalam jadual kontrak takaful.

(m) **Aktiviti harian** bermaksud:

- i. Berpindah – Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- ii. Bergerak – Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- iii. Buang air/Penggunaan tandas – Keupayaan untuk mengawal fungsi buang air besar dan buang air kecil demi menjaga kebersihan diri.
- iv. Berpakaian – Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- v. Mandi/Membersih diri – Keupayaan untuk membersihkan diri di dalam tempat mandi (termasuklah masuk atau keluar dari tempat mandi) atau membersihkan diri dengan sebarang cara lain.
- vi. Makan – Semua tugas memasukkan makanan ke dalam badan setelah ia disediakan.

(n) **Kenderaan awam** ditakrifkan sebagai berikut:

- i. Mana-mana bas awam, bas awam ringan, bas persiaran, feri, hoverkraf, hidrofoil, kapal, keretapi, trem atau keretapi bawah tanah yang disediakan dan dikendalikan oleh syarikat pengangkutan yang berlesen untuk pengangkutan tetap bagi penumpang berbayar; atau
- ii. Mana-mana limousine lapangan terbang berjadual yang beroperasi pada laluan dan jadual yang tetap; atau
- iii. Mana-mana kapal terbang komersial berjadual.

(o) **Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** adalah seperti di bawah:

Perlindungan bagi orang yang dilindungi yang bekerja

Hilang upaya berpunca dari kecederaan badan akibat kemalangan yang menyeluruh dan kekal dan berterusan sekurang-kurangnya satu ratus lapan puluh (180) hari, dan menghalang orang yang dilindungi daripada menjalankan kerjanya atau kerja-kerja lain di mana adalah bersesuaian dengan latihan, pendidikan atau pengalamannya.

Kejadian berikut akan dianggap sebagai TPD:

- i. Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan pada kedua-dua mata; atau
- ii. Kehilangan yang tidak dapat dipulihkan akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan pada dua atau lebih anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
- iii. Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan pada sebelah mata dan kehilangan yang tidak dapat dipulihkan akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh pada satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.

Perlindungan bagi orang yang dilindungi yang tidak bekerja

Bagi orang yang dilindungi yang pada masa hilang upaya, telah mencapai usia enam (6) tahun dan ke atas dan tidak bekerja atau merupakan suri rumah, TPD bermaksud ketidakupayaan kekal dan berterusan, yang berpunca dari kecederaan badan akibat kemalangan, yang menghalang orang yang dilindungi daripada melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) aktiviti harian.

Hilang upaya adalah secara menyeluruh, kekal dan berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya satu ratus lapan puluh (180) hari.

Kejadian berikut akan dianggap sebagai TPD:

- i. Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan pada kedua-dua mata; atau
 - ii. Kehilangan yang tidak dapat dipulihkan akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan pada dua atau lebih anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
 - iii. Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan pada sebelah mata dan kehilangan yang tidak dapat dipulihkan akibat putus atau kehilangan penggunaan menyeluruh pada satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.
- (p) **Hospital** bermaksud sebuah institusi berlesen, yang sah beroperasi mengikut undang-undang di mana fungsi utamanya adalah menyediakan penjagaan perubatan dan rawatan kepada orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit dalam, dan menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24 jam, dan mempunyai kemudahan untuk membuat diagnosis dan menjalankan pembedahan besar. Ianya tidak termasuk yang berikut:
- i. Klinik swasta;
 - ii. Rumah bersalin;
 - iii. Rumah rehat;
 - iv. Kemudahan rawatan penjagaan tempoh panjang;
 - v. Rumah untuk orang tua;
 - vi. Mana-mana kemudahan di mana keutamaannya memberikan penjagaan yang bersifat pembaikan, pemulihan atau penyembuhan;
 - vii. Mana-mana kemudahan di mana keutamaannya untuk penginapan atau rawatan bagi penyalahgunaan dadah atau ketagihan atau alkoholisme.
- (q) **Perlu dari segi perubatan** bermaksud perkhidmatan perubatan yang:
- i. konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim untuk kecederaan; dan
 - ii. sejajar dengan standard amalan perubatan baik, konsisten dengan standard semasa penjagaan perubatan profesional, dan dengan manfaat perubatan yang terbukti; dan
 - iii. bukan untuk kemudahan orang yang dilindungi, pemegang kontrak atau pengamal perubatan berdaftar, dan tidak dapat dilakukan di luar hospital; dan

- iv. bukan berbentuk eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, bersifat pencegahan atau saringan; dan
 - v. caj adalah adil dan berpatutan dan lazim untuk hilang upaya.
- (r) **Orang yang dilindungi prinsip** adalah pemegang kontrak seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak.
 - (s) **Qard** adalah pinjaman tanpa faedah disediakan oleh operator ketika terdapat defisit di dalam dana takaful am.
 - (t) **Caj berpatutan dan lazim** bermaksud caj penjagaan perubatan di mana adalah perlu dari segi perubatan serta dianggap berpatutan dan lazim yang tidak melebihi caj umum setanding yang dikenakan oleh institusi tempatan lain, apabila rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang sama atau setanding diberikan kepada individu yang sama jantina dan umur yang setanding, untuk sakit, penyakit, atau kecederaan yang serupa dan menurut standard perubatan dan amalan yang diterima pakai tanpa memberi kesan teruk kepada keadaan perubatan orang yang dilindungi.
 - (u) **Pengamal perubatan berdaftar** bermaksud mana-mana individu yang dibenarkan dari undang-undang di kawasan amalannya untuk memberikan perkhidmatan perubatan dan pembedahan dan mestilah berdaftar dengan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) atau organisasi yang serupa di luar Malaysia. Seorang pengamal perubatan yang merupakan orang yang dilindungi, atau pasangan atau saudara dekat kepada orang yang dilindungi tidak akan dianggap sebagai pengamal perubatan berdaftar.
 - (v) **Shariah** bermaksud prinsip-prinsip Syariah seperti yang ditafsirkan oleh Jawatankuasa Syariah.
 - (w) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang ditubuhkan dengan sewajarnya dan dilantik oleh operator, untuk memberi nasihat mengenai operasi perniagaan takaful dan memastikan supaya operator mematuhi peraturan Syariah.
 - (x) **Tempoh takaful** bermaksud tempoh perlindungan takaful yang disediakan untuk orang yang dilindungi.
 - (y) **Jenis skim** bermaksud jenis skim seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful. Berdasarkan klausa 2, peruntukan am di bawah, pemegang kontrak boleh menukar jenis skim. Berikut merupakan jenis skim yang boleh didapati:
 - i. Skim orang yang dilindungi prinsip
 - ii. Skim orang yang dilindungi & pasangan prinsip
 - iii. Skim orang yang dilindungi & kanak-kanak prinsip
 - iv. Skim orang yang dilindungi, pasangan & kanak-kanak prinsip

B. Peruntukan am

1. Kontrak

- 1.1 Kontrak, jadual kontrak takaful, penggunaan, soal selidik, pembedahan bertulis dan apa-apa kenyataan kepada ejen, pekerja dan/atau ejen telepemasaran yang dibenarkan operator akan membentuk kontrak tersebut.

2. Penukaran jenis skim

- 2.1 Tertakluk kepada kebenaran operator dan/atau bayaran sumbangan yang ditentukan oleh operator, pemegang kontrak boleh menukar jenis skim.
- 2.2 Tarikh berkuatkuasa jenis skim baru dan sumbangan yang diubah akan jatuh pada tarikh sumbangan patut dibayar yang berikutnya selepas kebenaran operator.

3. Tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful

- 3.1 Tertakluk kepada bayaran sumbangan,
 - (a) bagi orang yang dilindungi prinsip, tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful adalah tarikh berkuatkuasa yang seperti dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful.
 - (b) bagi pasangan yang dinamakan di dalam jadual kontrak takaful (mana yang berkenaan), tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful adalah tarikh berkuatkuasa yang seperti dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful.
 - (c) bagi pasangan yang dinamakan di dalam endorsan berikutnya (mana yang berkenaan), tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful adalah tarikh berkuatkuasa yang seperti dinyatakan di dalam endorsan.
 - (d) bagi kanak-kanak yang layak untuk perlindungan takaful (mana yang berkenaan) di bawah jenis skim yang relevan seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful (mana yang berkenaan) dan melebihi umur satu (1) tahun, tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful adalah tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful.
 - (e) bagi kanak-kanak yang layak untuk perlindungan takaful (mana yang berkenaan) yang disebabkan penukaran jenis skim (di bawah klausa 2 peruntukan am) dan melebihi umur satu (1) tahun, tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful adalah tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam endorsan yang meluluskan "penukaran jenis skim" (mana yang berkenaan).
 - (f) bagi kanak-kanak yang layak untuk perlindungan takaful (mana yang berkenaan) di bawah jenis skim yang relevan dan di bawah umur satu (1) tahun, tarikh berkuatkuasa perlindungan takaful adalah tarikh di mana kanak-kanak mencapai umur satu (1) tahun (termasuk).

4. Pindaan

- 4.1 Ejen atau individu lain tidak mempunyai hak untuk meminda, menukar atau mengenetepikan mana-mana peruntukan kontrak atau jadual kontrak takaful ini, kecuali mempunyai endorsan yang ditandatangani oleh pegawai yang dibenarkan dari pihak operator.

5. Hak dan pilihan

- 5.1 Hanya pemegang kontrak yang boleh melaksanakan semua hak, hak istimewa dan pilihan yang disediakan di bawah kontrak takaful tersebut pada tarikh berkuatkuasa kontrak ini. Pemegang kontrak adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful.

6. Perlindungan seluruh dunia

6.1 Tertakluk kepada terma-terma yang dinyatakan di dalam penambahan atau endorsan ke atas kontrak takaful yang dilampirkan, orang yang dilindungi (atau orang-orang yang dilindungi – mana yang berkenaan) adalah bebas dari sekatan seperti tempat tinggal, pekerjaan atau perjalanan.

7. Kesilapan pernyataan jantina

7.1 Sekiranya umur orang yang dilindungi telah tersalah nyata, dan umur sebenar tidak berada di dalam lingkungan penerimaan operator, dalam kes tuntutan, selepas tuntutan diluluskan, liabiliti operator adalah terhadap kepada sumbangan yang telah dibayar.

8. Penyerahan hak

8.1 Tiada penyerahan hak di bawah kontrak ini yang akan dipatuhi oleh operator melainkan ia difailkan dan berdaftar dengan operator. Operator tidak menanggung tanggungjawab untuk mengesahkan sebarang penyerahan hak.

9. Penarikan balik produk takaful

9.1 Operator mempunyai hak untuk membatalkan kontrak takaful sepenuhnya sekiranya operator memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan produk takaful ini.

9.2 Dalam keadaan sedemikian, operator akan menghantar notis bertulis kepada pemegang kontrak di alamat terakhir yang diketahui.

9.3 Kontrak takaful, tertakluk kepada bayaran sumbangan dalam tempoh tenggang, akan diteruskan sehingga tarikh ulang tahun kontrak takaful yang berikutnya.

10. Jaminan pembaharuan bersyarat

10.1 Jaminan pembaharuan kontrak takaful tertakluk kepada bayaran sumbangan dalam tempoh tenggang dan terma dan syarat kontrak ini.

10.2 Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan ketika pembaharuan. Kontrak ini akan terus digunakan.

10.3 Kadar sumbangan pembaharuan tidak dijamin. Operator mempunyai hak untuk menyemak semula kadar sumbangan pada tarikh ulang tahun kontrak takaful. Sebarang perubahan kadar sumbangan, jika ada, akan dikenakan ke atas semua pemegang kontrak tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan masing-masing mereka.

11. Undang-undang dan taksiran

11.1 Kontrak takaful ini dikawal dan ditaksir mengikut Undang-undang Malaysia.

12. Notis tuntutan

- 12.1 Jika berlakunya tuntutan kematian akibat kemalangan, notis tuntutan bertulis perlu diserahkan kepada operator dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian.
- 12.2 Bagi semua tuntutan lain yang berkenaan, notis tuntutan bertulis mesti diserahkan kepada operator dalam masa tiga puluh (30) hari selepas kejadian.

13. Bukti tuntutan

- 13.1 Bukti tuntutan, seperti yang diminta atau diarahkan oleh operator, mesti diserahkan kepada operator pada perbelanjaan pihak tuntutan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan.
- 13.2 Operator mempunyai hak untuk meminta laporan perubatan atau bukti yang selanjutnya.
- 13.3 Pemegang kontrak atau pihak menuntut perlu menyerahkan dokumen berkaitan pemeriksaan operator seperti yang diminta oleh operator pada masa yang munasabah dan bekerjasama dengan operator mengenai semua perkara berkaitan dengan kehilangan dan/atau tuntutan. Kegagalan berbuat demikian boleh memberi prejudis ke atas tuntutan.

14. Takaful semula

- 14.1 Operator berkuasa untuk mendapatkan takaful semula/insurans semula dari mana-mana pihak yang dianggap sesuai oleh operator. Pelan insurans semula adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah.

15. Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful

- 15.1 Kontrak takaful ini tertakluk kepada arahan utama dari Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful Malaysia, termasuk pelbagai garis panduan, arahan, peraturannya dan Akta Takaful 1984 atau mana-mana enakmen berikutnya yang meminda Akta tersebut.
- 15.2 Kontrak takaful ini tertakluk kepada tinjauan berkala oleh pihak-pihak, selepas garis panduan, arahan, peraturan atau pembetulan Akta Takaful 1984 yang sedemikian dikeluarkan dan pembetulan berikutnya atau penggantian perundangan, peraturan atau undang-undang yang berkaitan yang mengawal pengendalian perniagaan operator.

16. Kebolehasingan

- 16.1 Sekiranya berlaku mana-mana peruntukan dalam kontrak takaful yang tidak boleh dikuatkuasakan, secara keseluruhan atau sebahagian, ini tidak akan menjejaskan kesahan peruntukan lain dalam kontrak takaful ini, dan kontrak takaful ini akan ditafsir dari semua segi seolah-olah peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu adalah tidak penting kepada dasar terma perniagaan kontrak takaful ini.

17. Tempoh semakan percuma

17.1 Pemegang kontrak, dalam masa lima belas (15) hari penerimaan kontrak takaful, boleh membatalkan kontrak takaful dengan memulangkan kontrak takaful kepada operator. Operator akan memulangkan bayaran sumbangan yang telah dibayar di bawah kontrak ini.

18. Pengembalian semula

18.1 Sekiranya sumbangan tidak dibayar dalam tempoh tenggang, kontrak ini akan luput dan tiada perlindungan dan/atau manfaat takaful akan diberikan.

18.2 Dengan syarat bahawa permohonan pemegang kontrak dibuat dalam masa dua (2) tahun dari tarikh sumbangan patut dibayar, kontrak ini boleh dikembalikan semula, pada budi bicara mutlak operator, berdasarkan terma dan syarat seperti yang telah ditentukan oleh operator.

19. Penamatan

19.1 Penamatan perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi

Perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi akan ditamatkan dalam keadaan berikut:

- (a) Kematian orang yang dilindungi;
- (b) Orang yang dilindungi hilang upaya menyeluruh dan kekal;
- (c) Pada ulang tahun kontrak takaful serta-merta berikutan hari jadi ke tujuh puluh (70) orang yang dilindungi;
- (d) Sekiranya orang yang dilindungi adalah kanak-kanak,
 - i. sekiranya umur orang yang dilindungi mencapai dua puluh satu (21) tahun;
 - ii. sekiranya orang yang dilindungi merupakan kanak-kanak yang berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf, dan mencapai umur dua puluh tiga (23) tahun;
- (e) Tarikh berkuatkuasa bagi endorsan yang mengubah/membatal perlindungan takaful orang yang dilindungi;
- (f) Setelah penamatan kontrak takaful.

19.2 Penamatan kontrak takaful

Kontrak takaful ini akan ditamatkan dalam keadaan berikut:

- (a) selepas pembatalan kontrak oleh pemegang kontrak;
- (b) Kematian orang yang dilindungi prinsip;
- (c) Orang yang dilindungi prinsip hilang upaya menyeluruh dan kekal;

- (d) Pada ulang tahun kontrak takaful serta-merta berikutan hari jadi ke tujuh puluh (70) orang yang dilindungi;
- (e) Sumbangan tidak dibayar dalam tempoh tenggang;
- (f) Pada ulang tahun kontrak takaful serta-merta berikutan notis penarikan balik produk takaful oleh operator.

Penamatan kontrak ini tidak memberi prejudis terhadap tuntutan yang dihantar sebelum penamatan sedemikian.

Pembayaran dan penerimaan sebarang sumbangan selepas penamatan kontrak ini tidak akan mewujudkan sebarang liabiliti. Operator akan memulangkan sebarang sumbangan sedemikian.

20. Lain-lain

- 20.1 Tajuk-tajuk adalah dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak akan menjejaskan pembentukan kontrak takaful ini.
- 20.2 Sekiranya berkaitan atau seperti yang diperlukan konteks, bentuk maskulin akan diguna pakai ke atas terma feminin dan terma tunggal termasuk terma berbilang dan sebaliknya seperti yang dibenarkan oleh kontrak takaful.

C. Sumbangan

1. Sumbangan

- 1.1 Semua sumbangan adalah dibayar seperti yang telah ditetapkan di dalam jadual kontrak takaful. Sumbangan pertama akan dibayar pada tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful sementara sumbangan berikutnya akan dibayar pada atau sebelum tarikh patut dibayar.

2. Mod pembayaran

- 2.1 Mod/kekerapan pembayaran sumbangan adalah seperti yang telah ditentukan di dalam jadual kontrak takaful.

3. Kadar sumbangan

- 3.1 Sumbangan yang boleh dibayar ditentukan berdasarkan pelan yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful. Operator mempunyai hak untuk menyemak semula kadar sumbangan pelan pada tarikh ulang tahun kontrak takaful.
- 3.2 Jika perubahan dilakukan, notis bertulis akan dihantar kepada pemegang kontrak. Notis ini akan dihantar kepada pemegang kontrak di alamat terakhir yang diketahui, enam puluh (60) hari sebelum pelaksanaan perubahan kadar. Tarikh perubahan akan berkuatkuasa pada tarikh ulang tahun kontrak takaful berikutnya.

4. Sumbangan tidak berbayar

4.1 Sekiranya sumbangan tidak dibayar pada akhir tempoh tenggang, kontrak takaful akan ditamatkan secara automatik pada tarikh luput tempoh tenggang.

5. Bayaran sumbangan dan tempoh tenggang

Tahun kontrak dan ulang tahun	Tahun kontrak dan ulang tahun akan ditentukan dari tarikh berkuatkuasa seperti yang ditunjukkan dalam jadual kontrak takaful.
Bayaran	Semua sumbangan boleh dibayar kepada operator pada atau sebelum tarikh patut dibayar.
Perubahan kekerapan (mod) pembayaran sumbangan	Tertakluk kepada kebenaran operator, kekerapan pembayaran sumbangan boleh ditukar dengan memberi notis bertulis kepada operator.
Tempoh tenggang	Tempoh tenggang selama enam puluh (60) hari dari tarikh patut dibayar (termasuk) akan dibenarkan untuk bayaran sumbangan, di mana kontrak masih lagi berkuatkuasa dalam tempoh ini. Sekiranya sumbangan tidak dibayar pada akhir tempoh tenggang, kontrak ini akan luput dan perlindungan dan/atau manfaat takaful tidak akan diberikan.

D. Manfaat kontrak takaful

Manfaat 1 – Kematian akibat kemalangan

Tertakluk kepada terma dan syarat kontrak ini dan selepas penerimaan bukti di atas kematian akibat kemalangan orang yang dilindungi dan kelulusan tuntutan oleh operator, jumlah manfaat bagi orang yang dilindungi, adalah seperti yang dinyatakan pada manfaat "kematian akibat kemalangan" di dalam jadual kontrak takaful atau mana-mana endorsan berikutnya yang mengubah jumlah manfaat tersebut, tolak mana-mana hutang ke atas kontrak, akan dibayar, dengan syarat kedua-dua kemalangan dan kematian kemalangan berlaku ketika perlindungan takaful orang yang dilindungi masih berkuatkuasa dan kematian kemalangan berlaku dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari dari tarikh kemalangan.

Kehilangan

Sekiranya orang yang dilindungi hilang, ketika perlindungan takaful orang yang dilindungi masih berkuatkuasa dan mayat beliau tidak ditemui dalam masa satu tahun (365 hari) selepas kehilangan beliau, dan operator berpuas hati dengan bukti mencukupi yang diserahkan yang menyimpulkan bahawa beliau telah mengalami kecederaan badan dan kecederaan sedemikian mengakibatkan kematian beliau, operator akan membayar manfaat kematian di bawah kontrak takaful ini dengan syarat pihak/pihak-pihak yang akan menerima bayaran tersebut menandatangani perjanjian bagi memulangkan jumlah tersebut yang telah dibayar kepada operator jika orang yang dilindungi dijumpai masih hidup.

Manfaat 2 – Kematian akibat kemalangan di dalam kenderaan awam

Tertakluk kepada terma dan syarat kontrak ini, dan selepas penerimaan bukti di atas kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan ketika menggunakan pengangkutan awam di mana pengangkutan awam tersebut terlibat di dalam kemalangan yang sama dan selepas kelulusan tuntutan oleh operator, jumlah manfaat untuk orang yang dilindungi adalah seperti yang dinyatakan pada “kematian kemalangan melibatkan pengangkutan awam” di dalam jadual kontrak takaful atau mana-mana endorsan berikutnya yang mengubah jumlah manfaat tersebut, tolak mana-mana hutang ke atas kontrak, akan dibayar, dengan syarat kedua-dua kemalangan dan kematian kemalangan berlaku ketika perlindungan takaful orang yang dilindungi masih berkuatkuasa dan kematian kemalangan berlaku dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari dari tarikh kemalangan.

Manfaat 3 – Hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan

Tertakluk kepada terma dan syarat kontrak ini, dan selepas penerimaan bukti di atas orang yang dilindungi yang hilang upaya menyeluruh dan kekal dan selepas kelulusan tuntutan oleh operator, jumlah manfaat bagi orang yang dilindungi adalah seperti yang dinyatakan pada “hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan” di dalam jadual kontrak takaful atau mana-mana endorsan berikutnya yang mengubah jumlah manfaat tersebut, tolak mana-mana hutang ke atas kontrak, akan dibayar, dengan syarat kemalangan berlaku dan hilang upaya menyeluruh dan kekal bermula ketika perlindungan takaful orang yang dilindungi masih berkuatkuasa dan hilang upaya menyeluruh dan kekal tersebut:

- (a) berlaku dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari dari tarikh kemalangan;
- (b) dan kemalangan berlaku selepas orang yang dilindungi telah berumur enam (6) tahun (termasuk).

Manfaat 4 – Pendapatan keluarga akibat kemalangan

Dengan kelulusan operator bagi manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal di atas untuk orang yang dilindungi, jumlah manfaat untuk orang yang dilindungi adalah seperti yang dinyatakan pada manfaat “pendapatan keluarga akibat kemalangan” di dalam jadual kontrak takaful atau mana-mana endorsan berikutnya yang mengubah jumlah manfaat tersebut, tolak mana-mana hutang ke atas kontrak, akan dibayar. Jumlah manfaat tersebut akan dibayar sehingga lima (5) tahun.

Selepas bayaran pertama, empat (4) bayaran tahunan berikutnya akan dibayar pada tarikh-tarikh ulang tahun berikutnya di mana bayaran pertama dibuat.

Sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum operator membayar semua bayaran tahunan yang berikutnya, bayaran tunggakan tidak perlu dibayar.

Manfaat 5 – Pendapatan hospital harian akibat kemalangan

Tertakluk kepada terma dan syarat kontrak ini, dan selepas penerimaan bukti di atas orang yang dilindungi yang dimasukkan ke hospital (seperti yang ditakrifkan di atas) yang disebabkan oleh kecederaan badan akibat kemalangan secara langsung (seperti yang ditakrifkan di atas) dan selepas mendapat kelulusan tuntutan oleh operator, jumlah manfaat bagi orang yang dilindungi adalah seperti yang dinyatakan pada manfaat “pendapatan hospital harian akibat kemalangan” di dalam jadual kontrak takaful, atau mana-mana endorsan berikutnya yang mengubah jumlah manfaat tersebut, bagi setiap hari penginapan di hospital, tolak mana-mana hutang ke atas kontrak, akan dibayar dengan syarat bahawa:

- (a) kemasukan ke hospital adalah perlu dari segi perubatan;
- (b) kemalangan dan kemasukan ke hospital berlaku ketika perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi berkuatkuasa; dan
- (c) kemasukan ke hospital berlaku dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari dari tarikh kemalangan.

Manfaat ini, kepada orang yang dilindungi, tertakluk kepada jumlah maksimum selama satu ratus lapan puluh (180) hari bagi kemasukan ke hospital pada setiap ulang tahun/tahun kontrak takaful.

Tertakluk kepada takrifan “kemasukan ke hospital” seperti yang dinyatakan di atas, “bilangan hari kemasukan ke hospital” berdasarkan hari pihak hospital mengenakan caj. Sekiranya orang yang dilindungi pernah dimasukkan ke dua atau lebih hospital di dalam satu hari kalendar, operator, selepas kelulusan, akan membayar satu manfaat pendapatan hospital harian sahaja bagi setiap hari kalendar penginapan di hospital.

Manfaat 6 – Perbelanjaan perubatan pesakit luar akibat kemalangan

Tertakluk kepada terma dan syarat kontrak ini, dan selepas penerimaan bukti ke atas perbelanjaan perubatan pesakit luar yang secara langsungnya disebabkan oleh kecederaan badan akibat kemalangan orang yang dilindungi, perbelanjaan perubatan pesakit luar tersebut yang dikenakan akan dibayar semula, tolak mana-mana hutang, tertakluk kepada jumlah maksimum seperti yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful bagi orang yang dilindungi atau mana-mana endorsan berikutnya yang mengubah jumlah maksimum tersebut, dengan syarat bahawa:

- (a) kemalangan berlaku dan rawatan diterima ketika perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi masih berkuatkuasa;
- (b) rawatan pertama diterima dalam masa empat puluh lapan (48) jam selepas kemalangan;
- (c) rawatan susulan (jika ada) diterima ketika perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi masih berkuatkuasa, dan dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari dari kemalangan;
- (d) rawatan adalah perlu dari segi perubatan; dan
- (e) perbelanjaan perubatan yang dikenakan adalah caj berpatutan dan lazim.

Manfaat ini adalah manfaat yang boleh dibayar balik dan oleh itu operator memerlukan resit asal sebagai bukti.

Sekiranya semua atau sebahagian perbelanjaan tersebut telah dibayar balik oleh pihak lain, jumlah yang boleh dibayar dikurangkan sehingga jumlah yang tidak dibayar oleh pihak ketiga (jika ada).

Jumlah yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful adalah berdasarkan setiap ulang tahun/tahun kontrak takaful.

E. Pengecualian dan had

1. Pengecualian

1.1 Tiada manfaat akan dibayar sekiranya kematian, hilang upaya menyeluruh dan kekal atau kecederaan (kecederaan-kecederaan) yang secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian berpunca oleh dan/atau yang berlaku di dalam keadaan berikut:

- (a) Membunuh diri, percubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri tanpa mempertimbangkan keadaan mental orang yang dilindungi; atau
- (b) Ketika atau kerana orang yang dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau terlibat dalam mana-mana perilaku jenayah atau pergaduhan; atau
- (c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa kepada, mana-mana peperangan, kekejaman, keganasan, sebarang aktiviti haram atau pemberontakan atau pemberontakan umum, pemberontakan tentera, memberontak, konspirasi, ketenteraan atau perebutan kuasa, undang-undang tentera atau negara, kepungan atau mana-mana kejadian atau punca yang menentukan perisytiharan atau pengawalan undang-undang tentera atau kepungan negara; dan apa-apa perbuatan daripada mana-mana orang yang mewakili atau berhubungan dengan mana-mana organisasi yang aktivitiinya diarahkan untuk mengulingkan kuasa atau mana-mana Kerajaan de jure atau de facto; atau
- (d) Aktiviti-aktiviti dalam air yang menggunakan alat bantuan pernafasan; atau
- (e) Perjalanan di dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang berbayar yang menaiki kapal terbang komersial berjadual atau menunggang motorsikal (kedua-duanya sebagai penunggang dan pembonceng) bagi tujuan perniagaan; atau
- (f) Terlibat dalam sukan berbahaya seperti payun terjun, mendaki gunung, meneroka gua, peluncuran, peluncuran separa, peluncuran gantung, terjun udara, sukan profesional, mengembara dalam belon besar sebagai kenderaan, micro-lighting, terjun bunji, sebarang sukan tinju, sukan go-kart, memburu sambil menunggang kuda, berlumba selain menggunakan kaki, sukan memanjat batu di tempat yang bersalji; atau
- (g) Terdedah kepada sebarang bahan radiasi dari mana-mana sumber; atau
- (h) Penyakit, sakit, mengandung, kelahiran anak, keguguran atau keracunan makanan dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya; atau
- (i) Sebarang komplikasi atau penyakit akibat dari gigitan nyamuk; atau
- (j) Jangkitan sebarang kuman, parasit atau bakteria.

2. Pasangan (mana yang berkenaan)

2.1 Tiada manfaat akan dibayar untuk tuntutan yang berhubungan dengan pasangan yang dinamakan (mana yang berkenaan) sekiranya pasangan tersebut, sewaktu kemalangan, bukan merupakan pasangan seperti takrifan yang diberikan.

3. Anak tiri

- 3.1 Tiada manfaat akan dibayar atas tuntutan yang berhubungan dengan anak tiri (seperti yang ditakrifkan di atas):
- (a) sekiranya orang yang dilindungi prinsip dan pasangan yang merupakan ibu bapa kandung kepada anak tiri, telah bercerai ketika kemalangan berlaku.
 - (b) sekiranya pasangan yang merupakan ibu bapa kandung kepada anak tiri, sewaktu kemalangan, bukan merupakan pasangan seperti takrifan di atas.

4. Kanak-kanak

- 4.1 Bagi kanak-kanak (seperti yang ditakrifkan di atas dan mana yang berkenaan) yang berumur di antara dua puluh satu (21) tahun dan dua puluh tiga (23) tahun (termasuk), kontrak takaful ini akan diperhentikan apabila kanak-kanak tersebut bukan lagi pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf. Untuk kanak-kanak tersebut, tiada manfaat akan dibayar untuk tuntutan yang berhubungan dengan kanak-kanak tersebut (mana yang berkenaan) sekiranya kanak-kanak tersebut, ketika kemalangan, bukan pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf.

F. Caj

1. Yuran wakalah

- 1.1 Setiap sumbangan adalah tertakluk kepada yuran wakalah. Yuran ini dibayar kepada operator.
- 1.2 Yuran wakalah adalah 55% dari setiap sumbangan. Yuran ini akan ditolak selepas pembayaran bagi setiap sumbangan.
- 1.3 Operator boleh menyemak semula peratusan yuran wakalah. Sekiranya pengubahan sedemikian dibuat, notis bertulis akan dihantar kepada pemegang kontrak. Notis akan dihantar kepada pemegang kontrak di alamat terakhir yang diketahui, enam puluh (60) hari sebelum pelaksanaan pengubahan yuran.

2. Tabarru'

- 2.1 Tabarru' merupakan 45% dari setiap sumbangan dan dikumpul di dalam dana takaful am.
- 2.2 Operator boleh menyemak semula jumlah tabarru' dengan kelulusan dari Pihak Berkuasa Kawal Selia Takaful.
- 2.3 Sekiranya pengubahan dibuat, notis bertulis akan dihantar kepada pemegang kontrak. Notis akan dihantar kepada pemegang kontrak di alamat terakhir yang diketahui, enam puluh (60) hari sebelum pelaksanaan pengubahan kadar.

G. Dana takaful am

1. Jumlah yang dikumpul di dalam dana takaful am akan diuruskan oleh operator dan operator mempunyai budi bicara mutlak untuk melabur dan menguruskan jumlah yang dikumpul mengikut prinsip Shariah dan akan mengelak daripada melaburkan jumlah terkumpul ke dalam sekuriti (sekuriti-sekuriti) dan aset (aset-aset) seperti yang dilarang oleh Shariah.
2. Semua jumlah yang dikumpul yang berkaitan dengan dana akan kekal menjadi milik sah operator.
3. Semua kos, perbelanjaan, caj dan levi untuk menyelenggarakan dan melaburkan jumlah terkumpul di dalam dana takaful am dan perbelanjaan berkaitan lain akan ditanggung dan dibayar dari dana takaful am.
4. Sekiranya dana takaful am tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipan takaful, operator akan mengatarkan qard dari dana operator untuk membayar defisit.
5. Lebihan bersih akan datang di dalam dana takaful am akan digunakan untuk membayar semula qard tersebut kepada operator sebelum sebarang pengagihan lebihan.
6. Lebihan bersih dana takaful am akan ditetapkan secara tahunan oleh operator pada setiap akhir tahun kewangan operator.
7. Tertakluk kepada perenggan (5) di atas dan (8) di bawah, sebarang pengagihan lebihan bersih dana takaful am akan diperuntukkan seperti berikut:

Kepada operator (sebagai yuran prestasi dana) - 50% dari lebihan bersih

Kepada pemegang kontrak - 50% dari lebihan bersih
8. Sekiranya lebihan bersih yang dibayar kepada pemegang kontrak kurang daripada atau bersamaan dengan RM10, lebihan bersih tersebut akan dimasukkan semula ke dalam dana takaful am.

H. Notis penting kepada pemegang kontrak

1. Anda dinasihatkan untuk membaca kontrak takaful dengan teliti dan sekiranya ia tidak dikeluarkan seperti yang anda hendaki, sila pulangkan ia kepada operator untuk perubahan serta-merta.
2. Sila simpan kontrak takaful ini di tempat yang selamat kerana rujukan akan dibuat ke atas dokumen ini untuk endorsan dan pembaharuan.
3. Sila perhatikan bayaran sumbangan dan tempoh tenggang di bawah seksyen sumbangan.
4. Anda boleh merujuk sebarang aduan dan ketidakpuasan hati yang berkaitan dengan kontrak takaful ini kepada:

CIMB Aviva Takaful Berhad
Unit Perkhidmatan Pelanggan
Tel: (03) 2614 3566
Faks: (03) 2614 3550
Laman web: www.cimbaviva.com

Atau, badan-badan bebas berikut yang diberikuasa untuk mengawasi pertanyaan dan aduan umum mengenai hal-hal yang berkaitan dengan takaful:

Bank Negara Malaysia

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Jalan Dato' Onn
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2698 8044 smbg 8950/8958
Faks: (03) 2691 2990
<http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm>

Financial Mediation Bureau

Aras 25
Dataran Kewangan Darul Takaful
4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2272 2811
Faks: (03) 2274 5752
<http://www.fmb.org.my>

- Kami sengaja membiarkan baki muka surat ini kosong -